

Press Clipping

31 Januari, 2007 15:33 PM



PKA Serah Kompleks Kastam Kepada Kastam

PELABUHAN KLANG, 31 Jan (Bernama) -- Lembaga Pelabuhan Klang (PKA), pemilik Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) hari ini menyerahkan Kompleks Kastam kepada Kastam Diraja Malaysia bagi membolehkan penguatkuasaan peraturan kastam dilaksanakan di kawasan zon bebas itu.

Berkuatkuasa esok, pihak kastam diberi tanggungjawab memantau aktiviti pengilangan dan komersial di zon itu agar tidak berlaku penyalahgunaan dan penyelewengan ke atas kemudahan yang diberikan.

Kompleks Kastam dua tingkat itu, yang merupakan salah satu komponen projek (PKFZ), juga menyediakan kemudahan ruang pejabat, 10 buah kaunter dan bilik pengimbas.

Ia juga akan menempatkan pelbagai jabatan kerajaan yang lain pada masa hadapan seperti Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian, Perkhidmatan Farmaseutikal, Imigresen dan Jabatan Perkhidmatan Veterina.

PKFZ, yang terletak di Pulau Indah dekat sini, adalah zon bebas perindustrian dan komersial bersepadu sepenuhnya yang membolehkan aktiviti komersial dan pembuatan dijalankan serentak.

Pengarah Kastam Selangor Datuk Abdul Razak Yaacob berkata tidak dapat dinafikan terdapat segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab termasuk operator dalam zon bebas yang menyalahgunakan kemudahan yang diberikan.

Katanya Malaysia telah dipertikaikan oleh Suruhanjaya Anti Penipuan Eropah kerana membenarkan barangan buatan negara asing dilabel semula sebagai buatan Malaysia untuk dieksport ke negara Eropah.

Berdasarkan maklumat, aktiviti pecah pukal dalam zon bebas pula telah digunakan sebagai salah satu modus operandi untuk menyeludup arak dan rokok, katanya.

Aktiviti "dismantling" atau menyuraikan barang-barang elektrik kepada komponen-komponen dalam zon bebas untuk diimport ke kawasan utama Kastam juga menimbulkan banyak aduan dari pengilang tempatan sehingga Perbendaharaan terpaksa mengeluarkan arahan memberhentikan aktiviti tersebut kecuali lapan syarikat yang masih dibenarkan beroperasi sehingga Mei 2007, katanya.

Abdul Razak berkata penyalahgunaan kemudahan boleh menyebabkan kehilangan hasil negara serta menjejaskan imej negara di arena antarabangsa.

"Penyalahgunaan seperti ini boleh berlaku di mana-mana (zon bebas). Kita tidak mahu kejadian tidak diingini ini berlaku kerana ia boleh menjejaskan ekonomi negara," katanya.

Sementara itu, Pengurus besar PKFZ Noel Gulliver menyatakan PKFZ tidak akan membiarkan pelanggaran peraturan aktiviti dan akan mengambil tindakan tegas untuk menghentikan aktiviti mereka yang berbuat demikian.

--BERNAMA